

UNIT 27

Pemajmukan



Nota Ringkas

Pemajmukan ialah proses pencantuman atau gabungan dua kata dasar atau lebih yang mewujudkan makna tertentu yang berbeza daripada makna sebenar.



Penggunaan Kata Majmuk dalam Proses Morfologi

Proses Morfologi Kata Majmuk	Contoh
Pengimbuhan Awalan dan Akhiran	memuat naik, berkaki ayam, jadual tugasan, pemegang tabung uji
Apitan	mengurusniagikan, dianaktirikan, menandatangani, kesetiausahaan
Penggandaan	- Untuk maksud jamak, hanya perkataan pertama yang perlu digandakan. surat-surat khabar (✓) surat khabar-surat khabar (X) - Untuk kata majmuk bentuk mantap, iaitu dieja bercantum dan maksud kiasan, seluruh perkataan perlu digandakan bagi merujuk maksud jamak. setiausaha-setiausaha (✓) setia-setiausaha (X) buah-buah hati (X) buah hati-buah hati (✓)



Info Ekstra


Kata majmuk mesti dieja secara terpisah namun ada 16 kata majmuk dieja bercantum kerana berbentuk mantap. Antara kata majmuk mantap termasuklah antarabangsa, setiausaha, beritahu, sukarela, bumiputera, suruhanjaya, jawatankuasa, tandatangan, kakitangan, tanggungjawab, kerjasama, warganegara, olahraga, pesuruhjaya, matahari dan pangsapuri.



Praktis 1

Lengkapkan peta pemikiran di bawah dengan kata majmuk yang anda tahu.

i-THINK Peta Buluh



Praktis 2

Nyatakan kelompok kata majmuk di bawah sama ada rangkai kata bebas, istilah khusus atau maksud kiasan.

Bil.	Kata Majmuk	Kelompok Kata Majmuk
1	olahraga	
2	ambil alih	
3	buku teks	
4	cermin mata	
5	sekolah menengah	
6	cepat tangan	
7	kuning langsung	
8	terang tanah	